



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
Bahagian Kawalan Racun Perosak  
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani  
Jalan Sultan Salahuddin  
50632 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel: 603-2030 1400  
Faks: 603-2691 7551  
Laman Web: [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VI ( 65 )

Tarikh : 13 Januari 2017

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK  
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974  
Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005:  
PENDAFTARAN SEMULA RACUN MAKHLUK PEROSAK**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) tentang pindaan dan penambahbaikan kepada keperluan pendaftaran semula racun makhluk perosak.

Keputusan ini diambil sebagai langkah untuk memastikan proses pendaftaran semula racun makhluk perosak dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan menepati masa. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga telah memutuskan bahawa semua keperluan pendaftaran semula perlu dipatuhi oleh semua Syarikat Pendaftar.

*Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab*

SP.LRMP.Bil.1/2017



Rakyat Dilibatkan  
Pencapaian Dikumarkan

## KEPERLUAN PENDAFTARAN SEMULA RACUN MAKHLUK PEROSAK

2.0 Maklumat yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan pendaftaran semula adalah seperti berikut :

### 2.1 Keperluan Pendaftaran

- a) Surat permohonan menggunakan "*letter-head*" syarikat mengikut format di Annex 1 Garis Panduan (Pendaftaran) 2005.
- b) Satu (1) set borang permohonan (Borang A Subkaedah 2(1)) yang lengkap diisi.
- c) Salinan Sijil Pendaftaran Racun Makhluk Perosak (Perakuan Pendaftaran Racun Makhluk Perosak: Borang B atau Borang C).
- d) Surat pengesahan (*Letter of Source*) yang terkini daripada setiap pembekal yang sah.
- e) Salinan Sijil Pendaftaran Bahan Teknikal Racun Makhluk Perosak bagi pembekal tempatan (Perakuan Pendaftaran Racun Makhluk Perosak: Borang B atau Borang C).
- f) Dokumen Pengesahan / Sijil Pendaftaran Racun Makhluk Perosak dari luar negara (Surat Pekeliling JP/KRP 201/12/656/2 Jld.IV (56) bertarikh 24 Ogos 2014).
- g) Satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Borang D (Kaedah 3)
- h) Bayaran permohonan RM1,500.00 dalam bentuk bank draf atas nama **KETUA PENGARAH PERTANIAN**.

### 2.2 Keperluan Teknikal

2.2.1 Maklumat Perumusan Perawis Aktif Produk Racun Gred Teknikal (TGAI) atau Produk Racun Makhluk Perosak (*Formulated Product*)

- a) Proses pengilangan
- b) Komposisi yang disahkan oleh pengilang
- c) Spesifikasi produk
- d) Data kawalan kualiti bagi lima (5) kelompok keluaran produk yang terkini dan disertakan dengan kod atau diskripsi kaedah analisis termasuk tatacara pengiraan dan kromatogram bertarikh dan dicetak dari instrumen. Carta kawalan kualiti (*Control chart*) yang jelas menunjukkan *trend* kawalan kualiti produk berkenaan dan ditandatangani oleh Pengurus keluaran/ Pengurus kawalan kualiti produk berkenaan juga boleh diterima.

2.2.2 Maklumat Toksikologi

- a) Helaian Data Keselamatan (*Safety Data Sheet*) terkini mengikut Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya 2013).

2.3 Keperluan Label

2.3.1 Satu (1) salinan label bercetak bagi setiap pek saiz yang telah diluluskan (*endorsed label*) seperti dinyatakan dalam Borang A Subkaedah 2(1), Bahagian C, Perkara 14.

2.3.2 Empat (4) salinan draf label mengikut pek saiz yang telah diluluskan.

2.3.3 Draf label hendaklah mematuhi garispanduan pelabelan yang terkini.

2.3.3.1 Draf label perlu mengandungi pernyataan-pernyataan seperti berikut:

- i. Pernyataan Perawis Aktif
- ii. Pernyataan BACA LABEL SEBELUM GUNA
- iii. Nombor telefon Pusat Racun Negara.
- iv. Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhhluk Perosak 1974 (di atas Jadual Aturan Penggunaan).
- v. Pernyataan TANDA KERACUNAN
- vi. Pernyataan AWAS
- vii. Pernyataan RAWATAN KECEMASAN
- viii. Pernyataan RAWATAN PERUBATAN dan 'MEDICAL TREATMENT'.

2.3.3.2 Bagi keluaran yang perlu dibancuh:

- i. Menyatakan pra-pengenalan (kumpulan racun dan cara bertindak) bagi semua keluaran sektor pertanian iaitu sebelum "Aturan Penggunaan".
- ii. Menyatakan panduan membancuh/menyembur/merawat.
- iii. Kadar terendah paling berkesan sahaja digunakan.
- iv. Kadar bancuhan dinyatakan dalam 10 liter air.

- v. Kadar pengesyoran per hektar dibundarkan kepada puluh yang terdekat.
- vi. Memasukkan pernyataan bilangan semburan maksimum untuk semua tanaman yang disyorkan bagi racun kulat dan racun serangga.

2.3.3.3 Untuk produk racun keluaran teknikal:

- i. Memasukkan ungkapan "RACUN MAKHLUK PEROSAK" pada panel utama.

2.3.3.4 Pernyataan – pernyataan Residu/Sisabaki :

- i. Memasukkan pernyataan Tempoh Dilarang Mengutip Hasil (PHI) untuk semua tanaman yang disyorkan.

2.3.3.5 Pernyataan '*Re-entry Interval*' (REI)

- i. Menyatakan tempoh larangan masuk semula kawasan rawatan untuk produk racun kategori pertanian.

2.3.3.6 Maklumat Kemujaraban

- i. Semua nama saintifik perosak pada label mesti menggunakan nama penuh Genus dan Spesies (penggunaan '*sp.*' atau '*spp.*' tidak dibenarkan).

2.3.3.7 Alamat pada label adalah alamat terkini Syarikat Pendaftar.

3. Syarikat Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran semula dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh pendaftaran tamat. Pihak Lembaga tidak dapat memberi jaminan pendaftaran semula dapat diluluskan sebelum tempoh tarikh pendaftaran tamat jika gagal berbuat demikian. Walaupun begitu, Syarikat Pendaftar adalah dibenarkan untuk mengemukakan permohonan pendaftaran semula seawal satu (1) tahun sebelum tarikh pendaftaran tamat untuk kelancaran proses pendaftaran semula.

4. Semasa proses pendaftaran semula, semua permohonan tersenarai di bawah adalah **tidak dibenarkan** sehingga Sijil Pendaftaran Semula Racun Makhluk Perosak dikeluarkan :

- i. Permohonan tambah pembekal
- ii. Permohonan tambah syor
- iii. Permohonan menukar nama pembekal
- iv. Permohonan menukar nama syarikat
- v. Permohonan menambah 'pack size'
- vi. Permohonan tukar label
- vii. Permohonan mengubah komposisi produk

#### TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada **2 Februari 2017**.


#### PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, semua arahan yang telah dikeluarkan melalui surat pekeling tersenarai di bawah adalah **TERBATAL**.

- i. Ruj. Kami : B.81/05.20/Jld V(3) bertarikh 28 Jun 2004
- ii. Ruj. Kami : B.81/05.20/ Jld. V (6) bertarikh 22 Oktober 2004
- iii. Ruj. Kami : B.81/05.20/ Jld. V (27) bertarikh 22 Jun 2009
- iv. Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 (30) bertarikh 2 Ogos 2010
- v. Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld VI (47) bertarikh 2 September 2013

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(WAN MOHAMAD BIN WAN HASAN)**  
Setiausaha  
Lembaga Racun Makhluk Perosak

